

CNS1657

R GB 07-02 00173 BB215

bah

Mahathir - kongres 4 Kuala Lumpur (sambungan berita awal)

Antara resolusi utama kongres itu ialah cadangan penubuhan satu skim unit amanah dinamakan Amanah Pelaburan Bumiputera (APB) sebagai mekanisme untuk menyalurkan peruntukan saham khas kepada Bumiputera serta diperluaskan konsep usahasama antara Bumiputera dan bukan bumiputera sebagai rakan kongsi bagi menjayakan MPPB.

Ia juga mencadangkan supaya keutamaan pengagihan saham yang dikhaskan kepada bumiputera bagi syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur diberikan juga kepada syarikat individu bumiputera untuk membolehkan lebih ramai bumiputera memegang saham syarikat secara terus.

Kongres itu juga mengesyorkan konsortium bank-bank menubuhkan satu dana pinjaman bagi membantu Bumiputera menyertai syarikat-syarikat bukan bumiputera, membiayai pembangunan projek usahasama dan sebagai modal teroka syarikat-syarikat usahasama yang digalakkan.

Ia juga mencadangkan supaya dasar penswastaan diteruskan dengan pendekatan yang menyokong usaha untuk mempertingkatkan program MPPB.

Kongres itu juga memberikan perhatian kepada sains dan teknologi sebagai asas MPPB dengan cadangan supaya ditubuhkan +intelligentsia+ Sains dan Teknologi bagi membantu MPPB mencapai tahap teknologi tinggi. -- Bernama

▼07/02/15-07MST